

Banjir kilat sering landa Kampung Sungai Tangkas

Terowong jadi 'tasik'

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
kota@utusan.com.my

BANGI 21 Mei - Biarpun hujan tidak sampai 10 minit, keadaan di dalam terowong Stesen Komuter (KTM Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berdekatan Kampung Sungai Tangkas, di sini akan berubah seperti kolam air.

Malah, air yang mengalir deras di dalam terowong itu turut membawa lumpur yang didakwa berpunca daripada projek pembangunan perumahan di kawasan berdekatan yang sedang dilaksanakan.

Terowong tersebut adalah laluan utama yang menghubungkan penduduk dari taman-taman perumahan berdekatan dan Kampung Sungai Tangkas untuk ke Jalan Reko.

Tinjauan *Utusan Malaysia* hari ini mendapati, kerja-kerja mencuci longkang yang dipenuhi lumpur di kawasan itu baharu sahaja dilaksanakan selepas banjir kilat berlaku minggu lalu.

Difahamkan, masalah banjir kilat di kawasan itu sering berlaku sejak lebih 10 tahun lalu tetapi sehingga kini tiada kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dilakukan untuk

mengatasi masalah tersebut.

Selain itu, longkang-longkang kecil yang tidak lagi dapat menampung aliran air dari kawasan tinggi juga dipenuhi sampah-sarap sehingga memburukkan lagi keadaan.

Utusan Malaysia turut diperlihatkan rakaman video oleh seorang pemandu teksi yang enggan dikenali di Stesen Komuter UKM itu mengenai banjir yang berlaku baru-baru ini.

Rakaman tersebut menunjukkan kawasan terowong sehingga ke tempat meletak kenderaan stesen tersebut bagaikan sebuah tasik apabila dipenuhi air dan menghalang lalu lintas sama sekali.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Pemandu Teksi Stesen KTM UKM, **J. Pithavadian** berkata, sistem perparitan tersebut perlu dinaik taraf segera untuk mengelak kejadian banjir kilat berulang.

Ujarnya, selama sembilan tahun mengambil dan menurunkan penumpang di situ, dia mendapati air akan bertakung dengan pantas dan hanya akan surut selepas setengah jam hujan berhenti.

"Kalau air naik, laluan pejalan kaki stesen komuter ini juga akan dipenuhi air, malah kami terpaksa mengubah teksi ke kawasan lebih tinggi untuk mengambil penumpang yang baharu sampai," kata-

nya.

Seorang lagi pemandu teksi, **A. Vijian**, 53, berkata, di jalan tersebut juga sering berlaku kesesakan pada waktu pagi dan keadaan akan bertambah buruk se-

kiranya banjir kilat berlaku.

"Memang ada laluan alternatif untuk keluar dari kampung ini, tetapi penduduk lebih banyak menggunakan terowong ini kerana jalan tersebut lebih jauh," katanya.

MBPJ teruskan operasi kaunter Ez-pay



PAPAN tanda ini telah lama dipasang tetapi sehingga kini kerja menaik taraf sistem saliran berhampiran Stesen Komuter UKM di Bangi, Selangor termasuk terowong ini masih belum dilaksanakan. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHAR